

# Ijtihad: Satu Analisis Perbandingan

Rahimin Affendi

## Abstract

*The paper discusses the concept of ijtihad and its significance in the contemporary Muslim society from the shite and Sunni perspectives. The shite's concept of ijtihad as a continuous method in bulilding up laws is quite differently conceived by the Sunnis.*

## Pengenalan

Di sepanjang sejarah Islam, ada dua perkataan yang berpengaruh besar terhadap kehidupan ummah Islam. Kedua-dua perkataan tersebut ialah *Ijtihad* dan *Jihad*, yang berasal dari kata dasar (جہاد) dan memberi erti; mencurahkan kemampuan atau menanggung kesulitan.

Perkataan *ijtihad* bersasaran untuk mengenali pertunjuk dan agama Allah yang dibawa oleh rasul-Nya, sedangkan perkataan *jihad* bersasaran untuk menjaga agama itu dan mempertahankannya. Dengan kata lain, *ijtihad* berfungsi di bidang pemikiran dan penelitian akademik, manakala *jihad* bergerak dalam ruang lingkup perbuatan dan tingkah laku. Bahkan, keduanya saling melengkapi, di mana *ijtihad* sebagai *jihad*

di bidang ilmiah dan jihad adalah sebagai ijtihad yang berbentuk perbuatan. Hasil pemikiran ijtihad akan hilang bila tidak ada orang yang mendokonginya, begitu juga dengan hasil jihad akan musnah, apabila tidak ada orang berilmu yang menyokong hasil jihad ini.<sup>1</sup>

### Definisi (Ijtihad)

Dalam penggunaan biasa, perkataan *Ijtihad* berasal dari kata *al-Juhd*, yang membawa maksud mencerahkan segala kemampuan ataupun menanggung beban kesulitan di dalam melakukan sesuatu kerja.<sup>2</sup> Kata *al-Juhd* ini hanya digunakan untuk merujuk kepada perkara yang berat dan susah sahaja.<sup>3</sup>

Ringkasnya, perkataan ijtihad ini digunakan untuk perbuatan yang menyulitkan dan memerlukan banyak tenaga, seperti mengangkat batu besar, dan bukannya mengangkat sekeping kertas.<sup>4</sup>

Sementara sebagai satu istilah syarak pula, para fuqaha berselisih pendapat mengenainya. Ini kerana mereka tidak sepandapat tentang beberapa perkara:-

- (1) Tentang status hukum yang dihasilkan dari usaha ijtihad, samada ianya hukum berbentuk *Qat'i* ataupun *Zanni*.<sup>5</sup>
- (2) Tentang kadar usaha yang dicurahkan oleh seseorang mujtahid.<sup>6</sup>
- (3) Tentang harus ataupun tidak disebut perkataan *faqih* dan *mujtahid* sebagai gelaran kepada orang yang melakukan usaha ijtihad.<sup>7</sup>

Walaupun begitu, secara kasarnya, para fuqaha<sup>8</sup> menerangkan bahawa takrif ijtihad dari segi syarak, antara lainnya perlu mempuai beberapa perkara terpenting:-

- (1) Terdapat usaha yang bersungguh-sungguh dilakukan oleh seseorang *mujtahid*. Ia tidak cukup sekadar sedikit sahaja, tetapi perlu bertahap tinggi sehingga mencapai daya maksima.
- (2) Usaha ijtihad ini perlu dilakukan oleh seorang *faqih* atau *mujtahid*, yang mengetahui ilmu *Usul al-Fiqh* dari segi teorinya dan mampu menjelmakannya dalam bentuk praktik. Sebaliknya, usaha seorang *faqih* yang menghafal hukum sahaja tidak diterima oleh ulama *usul al-fiqh* sebagai satu ijtihad.
- (3) Kaedah yang digunakan di dalam usaha ijtihad perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan di dalam ilmu *Usul al-Fiqh*.
- (4) Usaha ijtihad hanya berkisar dalam soal-soal syariah Islam sahaja, dan bukannya di dalam bidang aqidah dan bahasa.

### Kepentingan Ijtihad Dalam Perkembangan Fiqh Islam

Tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa dalam perkembangan fiqh Islam, ijtihad menjadi alat terpenting dalam proses menghurai, merumus, mengklasifikasi dan sebagainya. Kenyataan ini dapat dijelaskan melalui kenyataan bahawa empat sumber hukum Islam, secara tidak langsung terhasil daripada ijtihad.<sup>9</sup>

Kepentingan ini diperkuatkan lagi oleh ruang lingkup, objektif dan fungsi

sistem perundangan Islam itu sendiri.<sup>10</sup> Kebanyakkan fuqaha<sup>11</sup> membahagikan hukum Islam kepada bidang ibadat dan mu'amalah. Bidang ibadat serta strukturnya secara khususnya diterangkan di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah dengan terperinci. Ia tidak membuka peluang yang luas untuk akal manusia campur tangan. Manakala bidang mu'amalah yang pada kebiasaannya banyak bergantung kepada keadaan hidup yang sentiasa berubah mempunyai ruang yang luas untuk akal manusia. Jadi, soal-soal yang berkaitan dengan hubungan sesama umat manusia banyak diserahkan kepada umat Islam untuk memikir dan menentukannya sendiri. Namun begitu, penentuan akal manusia ini perlu berdasarkan kerangka dan landasan yang terdapat di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah.<sup>12</sup>

Tujuan utama Syariah Islam, antara lainnya adalah untuk mewujudkan keadilan sosial di dalam masyarakat, menjamin kebebasan kepada individu dan masyarakat untuk berpegang kepada kepercayaan dan tindakan sendiri dan memberi peluang yang sama kepada semua anggota masyarakat.<sup>13</sup> Perincian tentang bagaimanakah soal keadilan sosial ini boleh dicapai adalah juga terserah kepada umat Islam menentukannya.<sup>14</sup>

Ijtihad juga boleh dianggap sebagai jentera utama yang menggerak dan membangunkan perundangan Islam.<sup>15</sup> Kesimpulan yang dihasilkan oleh sahabat Rasulullah melalui ijтиhad kemudiannya telah menjadi Ijma', yang dianggap sebagai salah satu daripada empat sumber hukum Islam. Begitu juga, dengan usaha ijтиhad yang berterusan mazhab-mazhab hukum Islam diasas dan dibangunkan.<sup>16</sup>

Walaupun ijтиhad pada dasarnya dihasilkan oleh akal manusia yang relatif sifatnya,<sup>17</sup> ianya dapat dianggap sebagai suatu unsur yang tidak dapat dielakkan dalam sistem fiqh Islam.<sup>18</sup> Kenyataan ini disokong dengan beberapa perkara:

- (1) Al-Qur'an dan al-Sunnah hanyalah sumber asas untuk sistem fiqh Islam, manakala yang selebihnya ialah penggunaan intelektual umat manusia terhadap kedua sumber tersebut.<sup>19</sup>
- (2) Teks kandungan al-Qur'an dan al-Sunnah yang berkaitan dengan perkara-perkara perundangan amat terbatas dari segi jumlahnya, sedangkan persoalan dan permasalahan yang sentiasa timbul di dalam kehidupan manusia pula tidak terbatas. Atas sebab ini, ijтиhad telah diperkenalkan dan dianggap sebagai mampu untuk bertindak menyelesaikan masalah ini.<sup>20</sup>
- (3) Dakwaan bahawa sistem fiqh Islam sebagai lengkap dan sesuai untuk sebarang tempat, keadaan dan zaman; walaupun berhadapan dengan perubahan ketiga-tiga aspek tersebut di dalam kehidupan manusia yang sentiasa berkembang.<sup>21</sup>

Kepentingan institusi ijтиhad ini bagi golongan Syiah lebih ketara lagi. Berbeza dengan zaman wujud Imam atau zaman *Ghaybah al-Sughra*, yang memungkinkan golongan Syiah, merujuk secara langsung kepada Imam<sup>22</sup> dan para *Safir*;<sup>23</sup> masyarakat Syiah di zaman *Ghaybah al-Kubra* terpaksa menghadapi jalan buntu disebabkan mereka tidak lagi mempunyai Imam dan pemimpin.<sup>24</sup> Bagi menghadapi permasalahan ini, para fuqaha Syiah telah merumuskan bahawa di zaman *Ghaybah al-Kubra*, tugas

yang dahulunya dipegang oleh para Imam dan *Safir*, akan dimainkan para fuqaha dan mujtahid.<sup>25</sup>

Apa yang lebih penting lagi hanya para fuqaha mujtahid sahaja yang boleh secara rasminya menjadi wakil bagi pihak Imam untuk kesemua tugas yang dahulu dimainkan oleh para Imam itu.<sup>26</sup>

### Pandangan Semasa Terhadap Institusi Ijtihad

Walaupun pada dasarnya ijihad di anggap sebagai fardu kifayah<sup>27</sup> dan kepentingannya diakui oleh para sarjana Islam namun ia seolah-olah telah terhenti. Sebagai gantinya masyarakat Islam telah menukar arah kepada taqlid.<sup>28</sup> Mengikut pendapat golongan Sunni hal ini disebabkan oleh kepupusan golongan *mujtahid mutlaq* dan tidak ada pengganti yang mampu mengambil tempat mereka dari segi kelayakan dan keikhlasan.<sup>29</sup>

Hasil timbul persoalan di kalangan fuqaha Sunni tentang status ummah Islam disisi Allah memandangkan ijihad adalah fardu kifayah.<sup>30</sup>

Kebanyakan fuqaha Sunni seperti al-Amidi, al-Subki, Isnawi, Ibn al-Hajib dan Ibn Amir al-Hajj<sup>31</sup> menyatakan bahawa ummah Islam dimaafkan di dalam soal ini. Ini kerana tugas mengerjakan fardu kifayah ini (ijihad) telahpun dipenuhi oleh ulama-ulama agung yang awal. Ringkasnya, mereka berpendapat tidak mengapa sekiranya ummah Islam sesuatu zaman hidup tanpa apa *mujtahid mutlaq* yang boleh dijadikan rujukan apabila timbul sesuatu masalah. Apatah lagi, pendapat ini nampaknya bersesuaian dengan realiti semasa yang wujud pada masa itu.<sup>32</sup>

Malah fuqaha Sunni seperti Shah Wali Allah dan Ibn al-Humam menegaskan bahawa *taqlid al-madhahib* untuk zaman yang akan datang telah menjadi suatu keperluan yang amat mustahak, bahkan sampai ke tahap wajib. Begitu juga, umat Islam di zaman yang akan datang, diharamkan bertaqlid kepada mana-mana mujtahid, melainkan kepada Imam mujtahid yang empat sahaja.<sup>33</sup>

Daripada perbincangan yang dikemukakan oleh para fuqaha Sunni klasik berkaitan dengan soal ini, dapat kita rumuskan bahawa, dari perspektif Sunni *ilmu usul al-fiqh* dilihat sebagai kaedah untuk mengesahkan (justify) dan kadang-kadang menerangkan dengan terperinci fatwa dan keputusan hukum yang statik yang telah dikeluarkan oleh Imam Mujtahid yang awal.<sup>34</sup>

Walaupun begitu, perlu dijelaskan, taraf mujtahid yang dianggap telah pupus adalah *mujtahid mutlaq* sahaja,<sup>35</sup> yang terbukti mampu bertindak sebagai pakar di dalam membangunkan mazhabnya sendiri menggunakan kaedah *Usul al-fiqh* berdasarkan pemahaman sendiri terhadap sumber-sumber *naqli* dan *aqli*.

Manakala mujtahid yang bukan jenis ini masih lagi wujud dan ternyata institusi ijihad masih mampu memperkembangkan sistem fiqh Islam, walaupun dalam bentuk yang agak terbatas, berbanding dengan zaman sebelum pintu ijihad tertutup.<sup>36</sup>

Kenyataan ini dapat diperjelaskan lagi apabila kita meneliti beberapa perkara berikut:

- (1) Bilangan mujtahid yang mampu melakukan tugas ijihad masih lagi

- ramai, terutamanya golongan mujtahid yang secara terang-terang melakukan ijtihad secara bebas tanpa terikat dengan pegangan mazhab asas mereka. Bahkan, kadang-kadang terdapat fatwa dan pendapat mereka yang bertentang dengan pendapat mazhab asas mereka sendiri.<sup>37</sup>
- (2) Proses penulisan ilmu *usul al-fiqh* tetap berkembang pesat, lebih-lebih lagi penulisan yang menerangkan dengan lebih detail tentang konsep ijtihad berasaskan pegangan golongan imam-imam *mujtahid mutlaq* yang awal. Contohnya, mengikut pendapat al-Shafi'i Qiyas dan ijtihad adalah membawa maksud dan konsep yang sama.<sup>38</sup> Ini kerana baginya, cara dan kaedah utama di dalam melakukan ijtihad adalah dengan cara Qiyas sahaja, serta tidak dengan cara lain. Ulama-ulama terkemudian, seperti al-Bazdawi, al-Ghazali, al-Jassas dan Ibn Rushd tidak bersetuju dengan pendapat ini. Di dalam karya-karya mereka, ulama-ulama berkenaan menegaskan bahawa ijtihad mempunyai maksud yang lebih luas lagi berbanding dengan Qiyas. Lebih tepat lagi, ijtihad bukanlah bermaksud Qiyas, kerana terdapat banyak kaedah di dalam melakukan ijtihad untuk mencari kebenaran sesuatu hukum dan Qiyas adalah salah satu daripada kaedah-kaedah ini.<sup>39</sup>

Begitu juga telah menjadi trend utama pada zaman ini, berbanding dengan zaman yang sebelumnya, telah timbul usaha di kalangan ulama semasa tindakan untuk membenarkan (justify) penggunaan konsep ijtihad dengan mengemukakan bukti-bukti dari al-Qur'an, al-Sunnah, Ijma' sahabat dan akal.<sup>40</sup>

Menyentuh tentang konsep ijtihad, golongan Syiah telah berpegang kepada dua prinsip utama yang saling berkait antara satu sama lain, dan bertentangan sama sekali dengan prinsip yang dipegang oleh golongan Sunni.<sup>41</sup>

Pertama, mereka percaya bahawa pintu ijtihad, termasuk *ijtihad mutlaq*, masih terbuka untuk setiap zaman<sup>42</sup> dan amat perlu dibuka untuk setiap zaman.<sup>43</sup>

Keduanya, setiap *muqallid*<sup>44</sup> wajib bertaqlid kepada mujtahid yang masih hidup (Hayy).<sup>45</sup> Walaupun begitu, seseorang *muqallid* dibenarkan untuk terus bertaqlid kepada fatwa yang dikeluarkan oleh mujtahid yang telah meninggal dunia, sekiranya tidak ada mujtahid yang hidup yang dapat menyamai taraf kematangan dan keilmuan yang dimiliki oleh mujtahid yang telah meninggal dunia. Begitu juga sekiranya taraf mujtahid yang telah meninggal dunia menyamai taraf mujtahid yang masih hidup, seseorang *muqallid* bebas memilih siapa yang hendak diikutinya, cumanya ia digalakkan untuk memilih mujtahid yang masih hidup.<sup>46</sup>

Bukan setakat itu sahaja, mereka telah meletakkan syarat yang agak ketat untuk seseorang *muqallid*. Sekiranya seseorang *muqallid* itu terus bertaqlid kepada seseorang mujtahid yang telah meninggal dunia, kerana sebab kelalaian dan kemalasannya sendiri, status amalannya dianggap sebagai sesat dan salah, sama seperti orang awam yang tidak berpegang kepada mana-mana mujtahid.<sup>47</sup>

Pegangan terhadap kedua-dua prinsip ini bertitik tolak daripada pemahaman golongan Syiah terhadap konsep kemungkinan berlakunya kesilapan hasil usaha ijtihad yang dilakukan oleh seseorang mujtahid (the fallibility of the jurists's ijtihad).

Ia membawa maksud bahawa, untuk setiap hukum yang diijtihadkan, terdapat suatu nilai ataupun hukum yang sebenar disisi Allah. Bersesuaian dengan sifat keterbatasan akal manusia, nilai ataupun hukum ini berkemungkinan secara betul ataupun silap ditemui oleh akal seseorang mujtahid, tetapi bukannya mencipta hukum tersebut.<sup>48</sup> Lebih tepat lagi, walaupun otoriti akal manusia diakui kegunaannya, ianya bukanlah bersifat *ma'sum* (infallible).<sup>49</sup> Atas dasar inilah, setiap mujtahid dari setiap zaman, perlu diberi peluang untuk melakukan ijtihad dalam setiap perkara, termasuk perkara-perkara yang telah diputuskan oleh mujtahid yang terdahulu.<sup>50</sup>

Ringkasnya, pandangan golongan Syiah terhadap ilmu *usul al-fiqh*, berbanding dengan golongan Sunni, amat jauh sekali perbezaannya. Hal ini dengan tepat dinyatakan oleh Ezzati, dengan katanya:

*"Cosidering this fact had led the Shi'a to recognise and regard 'ilm usul al-fiqh as the logic of juristic speculation and reasoning. It is the science of making fresh legal decisions and the method to establish fresh legal theories. In fact, it is looked on as the science of criticism of rules of law. Therefore, their doctrine of criticism of rules of law. Therefore, their doctrine of ijtihad as a continuing and constant legal system of making law, is closely connected with their concept of 'ilm usul al-fiqh."*<sup>51</sup>

**Nota kaki**

1. Untuk maklumat lanjut tentang persoalan Jihad di dalam Islam, sila lihat Ayatullah Ahmad Jannati; "Defence and Jihad in the Qur'an, di dalam *ISLAMIKA*, 111, K. LUMPUR, 1985, HLM. 177-188.
2. Ibn Manzur, *Lisan al-Arab*, Beirut, 1956, v. 111, hlm. 133.
3. Badakhshi, *Manahij al-Usul*, Kaherah, 1953, v. 111, hlm. 191.
4. Muhammad Taqi al-Hakim, *al-Usul al-Amma Fi al-Fiqh al-Muqarin*, Beirut, 1963, hlm. 561.
5. Al-Ghazali; *al-Mustasfa Min ilm Usul al-Fiqh*, Kaherah, 1937, v. 11, hlm. 350; al-Amidi; *al-Ihkam Fi Usul al-Ahkam*, Kaherah, 1941, v. 111, hlm. 204; Muhammad Taqi al-Hakim, *op. cit.*, hlm 287.
6. Al-Ghazali, *op. cit.*, v. 11, hlm. 350; al-Amidi, *op. cit.*, v. 111, hlm. 204.
7. *Ibid.*
8. Untuk maklumat lanjut, sila lihat al-Shawkani; *Irshad al-Fuhul*, Kaherah, 1937, hlm. 250; al-Badakhshi, *op. cit.* v. 111, hlm. 191-192; Muhammad Taqi al-Hakim, *op. cit.*, hlm. 561; Muhammad Hussin al-Isfahani; *al-Ijtihad Wa al-Taqlid*, Najaf, 1957, hlm. 2; Muhammad Mahdi al-Khalkhali, *Durus Fi Fiqh al-Shi'a*, Najaf, 1964, v. 1. hlm. 25.
9. Umar Jah, "The Important Of Ijtihad In The Development Of Islamic Law:", di dalam *Journal of Comparative Law*, 1977, hlm. 31-40.
10. *Ibid.*
11. Ibn Abd. al-Salam, *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*, Kaherah, 1934, v. 1, hlm. 1; Shatibi, *al-Muwafaqat Fi Usul al-Ahkam*, Kaherah, 1933, v. 11, hlm. 5.
12. *Ibid*, v. 11, hlm. 300.
13. Asnawi, *Nihayat al-Sul fi Sharh Minhaj al-Wusul*, Kaherah, 1899, v. 111, hlm. 108.
14. Umar Jah, *op. cit.*
15. Said Ramadan, *Islamic law, Its scope and Equity*, London, 1961, hlm. 75.
16. Ibd Abd al-Barr, *Jami' al-Bayan al-Ilm*, Kaherah, 1975, hlm. 323.
17. Muhammad Muslehuddin, *Philosophy of Islamic law and the Orientalist: A comparative study of Islamic legal system*, Lahore, 1980, hlm. 118-119.
18. Goldziher, *The Zahiris: Their Doctrine And Their History*, Leiden, 1971, hlm. 3-4.
19. Gibb, *Mohammedanism*, New York: Oxford, 1962, hlm. 74.

20. Ib'd Qayyim al-Jawziyya, I'lam al-Muwaqqi'in An Rabb al-Alamin, Kaherah 1969, v. 11, hlm. 20-21.
21. Subhi Mahassani, *The Philosophy of Jurisprudence in Islam*, Malaysia, 1987, hlm. 105; Muhammad Rashid Rida, *al-Wahy al-Muhammadi*, Kaherah, 1931, hlm. 225.
22. Untuk maklumat lanjut, sila lihat Moomen Moojan, *An Introduction to Shi'i Islam*, London, 1985, hlm. 161-171.
23. Untuk maklumat lanjut, sila lihat Jassim M. Hussain, *The Occultation of the Twelfth Imam*, London, 1982, bab IV hingga VII.
24. *Ibid*, hlm. 148-162, Sachedina, *Islamic Messianism, The Idea of the Mahdi in Twelver Shi'ism*, New York, 1981, hlm. 99-101 dan 106-108.
25. Norman Calder, *The Structure of Authority in Imami Shi'i Jurisprudence*, Tesis Ph.D untuk SOAS, University of London, 1980, hlm. 73-74, 110, 160 dan 132-133.
26. Mahmud Ramyar, "Ijtihad", di dalam *Shi'ism: Doctrine Thought and Spirituality*, New York, 1988, hlm. 234-235.
27. Shawkani, *Irshad al-Fuhul ila Tahqiq al-Haqeq min Ilm al-Usul*, Kaherah, 1937, hlm. 220; shahrastani, *al-Milal Wa al-Nihal*, Kaherah, 1977, v. 1, hlm. 205; Ibrahim Musawi al-Zanjani, *Aqa'id al-Imamiya al-Ithna Ashariyya*, Beirut, 1973, v. 1, hlm. 113.
28. Ahmad Hasan, op. cit., hlm. 20-21.
29. Ibn Kathir, *al-Bidayah wa al-Nihayah*, Kaherah, 1932, v. 1, hlm. 30; Goldziher, "On al-Suyuti", di dalam Muslim World, 68 (1978), hlm. 85.
30. Ibn Taimiyyah, *al-Musawwade fi Usul al-Fiqh*, Kaherah, 1964, hlm. 472 dan 545.
31. Al-Amidi, *al-Ihkam Fi Usul al-Ahkam*, Kaherah, 1968, v. 111, hlm. 253-254; al-subki, *Jami' a;-Jawami'*, yang dikomentar oleh Jalal al-Din al-Mahalli, Bombay, 1970, v. 11, hlm 398; Ibn al-Hajib, *Mukhtasar al-Muntaha* Kaherah, 1908 hlm. 233-1899, v. 111, hlm. 339-340; *al-Isnawi*, *al-Nihayat al-Sul fi sharh Minhaj al-Wusul*, Kaherah, 1899, v. 111, hlm. 331 dan 349.
32. Shawkani, op. cit., hlm. 223.
33. Shah Wali Allah, *al-Jid*, Kaherah, 1965, hlm. 38; Ibn Humam. op. cit., hlm. 552.
34. W.b.Hallaq, "Considerations on the Function and Character of Sunni Legal Theory", di dalam Journal of American Oriental Society, 104 (1984), hlm. 681-683.
35. W.B Hallaq, *The Gate of Ijtihad: A study in Islamic Legal History*, Tesis Ph.D untuk University of Washington, 1983, hlm. 9-10.
36. Joseph Schact, *The Origins of Muhammadan Jurisprudence*, Oxford, 1950, hlm. 6-7; *An Introduction to Islamic law*, hlm. 70-71 dan 211.

37. Contoh untuk sarjana-sarjana ini adalah seperti Ibn Surayj (meninggal 396H), Tabari (meninggal 301H), Ibn Khuzayma (meninggal 311H) dan Ibd Mundhir (meninggal 316H). Sila lihat Goldziher, *The Zahiris*, hlm. 31; Subki, *Tabaqat al-Shafi'iyya al-Kubra*, Kaherah, 1906, v. 1, hlm. 105 dan 224, v. 11, hlm. 89, 96, 126 dan 131; Ibn Wafa' al-Qarashi, *al-Jawahir al-Mudi'a fi Tabaqat al-Hanafiyya*, Kaherah, 1978, v. 1, hlm. 137-138.
38. Shafi'i, *Al-Risalah*, 1978, v. 1, hlm. 137-138.
39. Bukhari, *Kashf al-Asrar*, Konstantinople, 1307, v. 111, hlm. 988; Ibn Rushd; *Kitab al-Mugaddimat*, Kaherah, t.t., v. 1, hlm. 25; Ghazali, *al-Mustasfa min ilm al-Usul*, Kaherah, 1937, v. 11, hlm. 54; al-Jasas. *Kitab Usul al-Fiqh*, Kaherah, t.t., hlm. 245-246.
40. Untuk maklumat lanjut, sila lihat Ahmad Hasan, *The Analogical Reasoning in Islamic Jurisprudence*, Islamabad, 1986, hlm. 29-39, 39-41, 42-43 dan 44-49.
41. Sebagai contohnya, sila lihat Ayatollah Mutahhari, "Ijtihad In Imamiyyah Tradition", di dalam *Al-Tauhid*, v. IV, no. 1, 1986, hlm. 26-28; Ayatollah Mohamad Ibrahim Jannati, "Ijtihad And The Practise Of Ra'y", di dalam *Al-Tauhid*, v. no. 5, 1988, hlm. 64-70.
42. Kashif al-Ghita', *Asl Syi'ah wa Usuluha*, ajaf, 1965, hlm. 115.
43. Muhammad Taqi al-Hakim, *al-Usul al-Amma fi al-Fiqh al-Muqarin*, Beirut, 1963, hlm. 605.
44. Untuk keterangan lanjut tentang pandangan kedua pihak terhadap golongan Muqallid, sila lihat Ghazali, *op. cit.*, v. 11, hlm. 121-124; Muhammad Mahdi Khalkhali, *Durus fi Fiqh al-Shi'a*, Najaf, 1964, v. 1, hlm. 34. v. 1, hlm. 34 dan 103.
45. *Ibid*, v. 1. hlm. 42; Muhammad Kazim Tataba'i al-Yadzi, *al-Urwa al-Wuthqa*, 1968, hlm. 4.
46. Khalkhali *op. cit.*, v. 1, hlm. 56-57.
47. Kashif al-Ghita', *al-Nur al-Sati Fi Fiqh al-Nafi'*, Najaf, 1961, v. 11, hlm. 532-536; Muhammad Kazim Tabatabai'i al-Yadzi, *op. cit.*, hlm. 5.
48. Allama al-Hilli, *Mabadi' al-Wusul ila ila Ilm al-Usul*, Najaf, 1970, hlm. 244-245.
49. Ezzati, *An Introduction to Shi'i Islamic Law and Jurisprudence*, Lahore, 1979, hlm. 99-100.
50. *Ibid*, hlm. 74-76.
51. *Ibid*.